

**Buang perkataan kaum: Joseph perlu bincang dengan Kabinet, kata Muhyiddin  
Malaysian Insider  
Feb 24, 2014  
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup (gambar) diminta menyuarakan cadangannya untuk menghapuskan identiti kaum dalam borang rasmi kepada jemaah menteri, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan perdana menteri itu berkata, semua keputusan berkaitan dasar kerajaan atau undang-undang perlu dibincangkan bersama jemaah menteri sebelum keputusan diambil.

"Elok kita tunggu. Kita boleh bincang. Kita mengamalkan sikap yang agak terbuka. Sedia menerima pandangan dan jika kita fikirkan ia sesuatu yang baik, jemaah menteri akan membuat keputusan.

"Itu cadangan daripada jawatankuasa perpaduan. Beliau boleh bawa (kepada jemaah menteri) kerana mungkin ada kertas cadangan khusus boleh dibincangkan," katanya pada sidang media selepas jamuan tengahari bersama penduduk Kajang, hari ini.

Kurup ketika merasmikan dialog pertama Majlis Konsultatif Perpaduan Nasional (MKPN) yang pertama berkata sudah sampai masanya perkataan kaum dibuang daripada semua borang rasmi di negara ini bagi membentuk satu identiti nasional.

Katanya, rakyat Malaysia masih dipisahkan oleh bangsa dan agama selepas lebih 50 tahun mengecapi kemerdekaan.

Beliau berkata, bila lagi rakyat Malaysia mahu melihat diri mereka sebagai orang Malaysia, bukan atas nama bangsa.

Sementara itu, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) menyelar Kurup dengan mendakwa cadangan tersebut satu cubaan menghapuskan hak kaum Melayu yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali, berkata cadangan yang dilontarkan itu melampau dan mempunyai niat jahat terhadap bangsa Melayu.

Katanya, cadangan tersebut bertujuan menggugat hak keistimewaan kaum Melayu khususnya dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Ibrahim memberi amaran supaya Putrajaya tidak tunduk kepada cadangan tersebut jika tidak mahu hilang sokongan masyarakat Melayu, khususnya bagi Umno.

"Kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak, jika bersetuju dengan cadangan Kurup ini hanya akan memberi ruang lebih ramai Melayu tidak akan sokong Umno.

"Hati-hati dengan setiap cadangan," katanya

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/buang-perkataan-kaum-joseph-perlu-bincang-dengan-kabinet-kata-muhyiddin>